

93-1109

Tunku

Tokoh Sepanjang Zaman

Tan Sri Khir Johari



The Malaysian Institute of Directors (MID), is a national institution for directors of companies in Malaysia. The institute was incorporated as a company limited by shares but without shareholding, by a special provision granted by the Minister of Finance in 1982.

Among its objectives are to provide an effective voice to represent the interests of directors, to act as a forum for national issues of importance that promote business development and, to encourage and promote ethical and moral practices in the profession.

The institute's programmes include talks by outstanding personalities, and 'educational programmes' related to promoting the welfare and advancement of directors. Proceeds from these programmes are channelled to the Institute's Foundation to be used for the benefit of the country.

TUNKU – TOKOH SEPANJANG ZAMAN

Tan Sri Khir Johari

116256

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

15 APR 1993

© Institut Pengarah Malaysia 1993
Diterbitkan oleh Institut Pengarah Malaysia
Reka bentuk kulit oleh Danny Chan
Dicetak oleh Percetakan Setiakawan Sdn. Bhd.

Prakata

Seorang pemimpin yang memperjuangkan nasib dan kehidupan sesama manusia akan kekal selama-lamanya. Begitu jugalah dengan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra — pemimpin yang berjuang mendapatkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu (yang ditukar namanya kepada Malaysia, di bawah cantuman yang lebih besar) dan yang telah menerajui negara yang pada masa itu masih muda, sebagai Perdana Menteri yang pertama, selama satu dekad lebih.

Sebahagian daripada pemikiran dan tindakan pemimpin nasional yang agung ini telah didokumentasikan oleh sahabat baik beliau, Tan Sri Khir Johari. Bagi Tan Sri Khir, — 'Tunku', sebagaimana yang dipanggil oleh teman-teman rapatnya, bukan sahaja seorang sahabat, tetapi juga seorang mentor dan teman sekerja yang mesra.

Peristiwa-peristiwa yang dilintasi oleh Tunku dalam usahanya menegakkan perjuangan rakyat sewaktu di bawah rejim British, yang sebelum ini tidak kita ketahui, telah diceritakan oleh Tan Sri Khir Johari dalam Majlis Penghargaan Tunku Abdul Rahman yang Pertama, anjuran Akademi Perubatan Malaysia pada 21 Ogos, 1992.

Kisah-kisah Tunku ini memberi inspirasi kepada saya. Apa yang telah dilakukan oleh Tunku mesti terus dicatat agar generasi Malaysia yang akan datang akan dapat menteladani pemimpin besar ini dan berani menghadapi sebarang cabaran — dan bangun sebagai Tokoh Sepanjang Zaman, sebagaimana Tunku juga.

Dr Ian K M Chia

Penghargaan

Dalam mengusahakan projek ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Khir Johari dan Akademi Perubatan Malaysia kerana memberi kebenaran untuk menerbitkan Ucapan Penghargaan ini bagi bacaan umum.

Terjemahan dan kerja mengeditnya telah diusahakan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, dan untuk itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Noordin Soviee, Ketua Pengarah ISIS.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan saya kepada Institut Pengarah Malaysia (MID) yang telah bersetuju menjadikan dokumen ini sebagai satu penerbitan Institut tersebut.

Dr Ian K M Chia

Saya merasa amat wajar memilih tajuk ucapan seperti yang akan saya sampaikan pada malam ini iaitu, Tunku — Tokoh Sepanjang Zaman — berdasarkan hubungan saya yang begitu rapat dengan beliau semasa hayatnya, yang merangkum jangka masa selama 48 tahun.

Dan selama itulah beliau telah menjadi sahabat saya, guru saya, teman sekerja saya dan kemudiannya ketua saya. Apa yang paling menarik perhatian saya tentang diri beliau ialah keperibadiannya yang istimewa, semangat patriotiknya yang tinggi dan kesetiaan serta kebaikan hatinya terhadap kawan-kawan dan sesama manusia tanpa mengira warna kulit, agama atau status mereka dalam masyarakat.

Secara kebetulan agaknya, politik dan semangat patriotiklah yang telah merapatkan kami berdua. Apabila Jepun menyerah kalah kepada Tentera Bersatu pada akhir Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, pasukan bersenjata MPAJA (*Malayan People's Anti-Japanese Army*), pasukan komunis di Kedah yang pada waktu itu dikenali dengan panggilan 'Tiga Bintang' atau '*Three Stars*' cuba menawan beberapa buah negeri di Tanah Melayu sebelum ketibaan Angkatan Tentera British dengan menggunakan Negeri Kedah sebagai tapak permulaannya.

Tunku lantas menubuhkan satu pasukan kecil yang terdiri daripada orang-orang muda termasuk saya sendiri untuk menghalang mereka daripada meneruskan

Penerbitan ini adalah petikan ucapan penghargaan Tunku¹ Abdul Rahman Putra, oleh Tan Sri Khir Johari sempena majlis makan malam tahunan Akademi Perubatan Malaysia pada 21 Ogos 1992.

tujuannya. Kami tidak dilengkapi dengan apa-apa senjata api, tetapi hanya dengan semangat dan keberanian sahaja. Namun begitu, kami berjaya mengadakan satu barisan hadapan sehingga datangnya Tentera 136 pimpinan British.

Ini merupakan pengalaman perjuangan kami yang pertama menentang komunis. Bagi saya, sebagai orang muda yang tidak berpengalaman, ini merupakan satu pengajaran dalam kepemimpinan kemanusiaan dan pengorbanan yang kekal terpahat dalam ingatan saya.

Tunku, bagi saya memanglah tokoh yang abadi, yang menjadi wira hingga ke saat ini.

Tahap kedua hubungan kami bermula dengan satu ikatan yang lahir daripada satu keinginan yang kuat untuk menolong mangsa-mangsa tahanan Jepun yang dipaksa berkerja membina jalan keretapi di Burma, yang berjaya lari ke Kedah. Mereka berasal dari merata tempat di Semenanjung dan Indonesia. Keadaan mereka sungguh menyedihkan dan memerlukan rawatan dan perlindungan tempat tinggal.

Dengan bantuan beberapa orang antara kami (termasuk Senu Abdul Rahman — kini Tan Sri), kami berjaya mendirikan apa yang disebut sebagai 'rumah miskin' dengan Tunku sebagai pengerusinya dan saya sebagai Setiausaha.

Usaha ini sesungguhnya merupakan permulaan gagasan yang kini dikenal sebagai 'masyarakat penyayang.' Pada tahun-tahun kemudiannya Tunku pernah memberitahu saya bahawa terlantiknya beliau sebagai Perdana Menteri adalah berkat doa orang-orang yang menderita ini.

Untuk membiayai rumah miskin ini, kami mengadakan pertunjukan drama di Kedah dan Perlis dengan Senu sebagai pengarah dan saya sendiri sebagai 'Orang Muda' atau heronya dan Tunku sebagai penasihat kami.

Hubungan saya dengan Tunku tetap erat dengan tertubuhnya parti politik SABERKAS. Parti ini ditubuh oleh saya dan Senu bersama beberapa teman yang lain. Sekali lagi Tunku menjadi penaung kami yang tidak rasmi. Di antara teman-teman lain yang turut serta ialah Mohamad Jamil (kemudian Tan Sri Mohamad Jamil yang menjadi Ketua Pengarah Pertanian) dan dua orang sarjana dari London School of Economics dan Cambridge University. Dua di antara mereka itu kini masih hidup lagi.

Tidak lama selepas itu, berlakulah sedikit perselisihan faham antara kami disebabkan soal teknikal. Dan faktor inilah yang telah mendorong Tunku untuk keluar negeri bagi menamatkan pengajiannya dalam bidang undang-undang di Britain. Pada tahun-tahun terkemudian, beliau selalu mengingatkan kami bahawa salah faham itulah merupakan takdir yang telah mengubah keseluruhan hidupnya.

Sebagaimana kita semua tahu, pada usia 45 tahun, Tunku berjaya memperolehi kelulusan sebagai peguam di London, dan pulang ke tanah air.

Sejarah hidup dan perjuangan Tunku selanjutnya tidak perlu saya ceritakan lagi dengan panjang lebar, tetapi demi membuktikan kebenaran pendapat saya bahawa Tunku sebenarnya adalah seorang tokoh sepanjang zaman, maka saya akan ceritakan juga secara ringkas.

Barangkali juga secara kebetulan, Majlis makan malam

tahunan sempena memperingati Tunku ini diadakan hampir sama dengan waktunya, iaitu sehari sebelum Tunku dipilih sebagai Presiden dalam satu Perhimpunan Agung sebuah Pertubuhan yang pada masa itu masih kecil — iaitu UMNO. Perhimpunan itu telah diadakan pada 25 Ogos 1951 di Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Dua masa yang berkebetulan ini menguatkan lagi keinginan saya untuk memberikan tajuk ucapan saya sebagai "Tunku — Tokoh sepanjang zaman."

Pada hari tersebut, Dato Onn, seorang pemimpin Melayu dan bekas Pegawai Kanan Negeri Johor, telah meletakkan jawatannya dan mulai mengetuai sebuah parti politik pembangkang, iaitu *The Independence of Malaya Party* (I.M.P.). Beliau juga telah membuat ramalan bahawa UMNO akan berpecah dalam masa tiga bulan lagi selepas itu.

Ramalannya itu mungkin benar-benar terjadi jika tidak dengan ketokohan kepimpinan yang ditunjukkan oleh seorang anak Melayu yang berasal dari Kedah ini, yang pada masa itu tidak pula dikenali ramai dan kurang berpengalaman dalam menubuhkan dan memimpin sebuah parti politik.

Dato Onn percaya bahawa sebuah parti politik yang menggabungkan kesemua bangsa — iaitu Melayu, Cina dan India — adalah yang paling sesuai untuk membawa negara ini ke arah kemerdekaan. Tunku pula yakin bahawa dalam keadaan pada masa itu, setiap komuniti harus meneruskan usaha mereka membentuk dan menyokong parti politik mereka masing-masing.

Dato Onn mendapat sokongan daripada Pegawai-pegawai Tadbir British yang ternama, malahan daripada

beberapa orang pemimpin Cina juga, pada mulanya. Walaupun terpaksa berjuang sendirian, Tunku dengan suara yang tidak banyak berbunga-bunga telah menjelajah ke cawangan-cawangan UMNO di seluruh negara. Beliau mengadakan ceramah di sana sini dalam loghat Kedahnya, dan cuba sedaya upaya menerangkan kepada umum perlunya sebuah parti khusus untuk orang Melayu. Dan Tunku sekali lagi membuktikan ketokohnya sebagai tokoh sepanjang zaman dengan kejayaan yang diperolehnya, yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh orang lain.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa sifat keturunan rajanya telah memainkan peranan besar dalam usaha-usahanya sepanjang masa tersebut.

Sementara Tunku menjelajah ke seluruh negara, berusaha untuk meneguhkan UMNO, Kol H. S. Lee bersama-sama Tun Omar Yoke Lin Ong dan beberapa orang yang lain di Kuala Lumpur pula mengambil inisiatif untuk menyediakan pilihanraya Majlis Bandaran yang pertama, dan menubuhkan satu kumpulan yang di namakan Perikatan UMNO-MCA-MIC.

Tunku tidak tahu menahu tentang perkara tersebut. Pada waktu itu beliau berada di rumah rehatnya di Seberang Prai. Seorang anggota UMNO memintanya kembali ke Kuala Lumpur dengan serta-merta. Sekembalinya ke Kuala Lumpur beliau mendapati bahawa banyak juga anggota UMNO yang lain menentang usaha terbaru ini. Pada masa yang sama seorang pemimpin parti Dato Onn (Dato E. E. C. Thuraisingham) menegaskan bahawa usaha ini tidak akan berjaya. Penegasan yang terakhir inilah yang

memberikan semangat dan dorongan kepada Tunku. Dengan kebijaksanaan dan pemikiran yang selamanya menjadi panduan sepanjang hidupnya, Tunku dengan segera dapat mengenal pasti kebaikan yang bakal diperoleh dari keadaan ini. Beliau dengan segera mengisytiharkan bahawa beliau akan menyokong gerakan Perikatan itu dengan sepenuh hati.

Pemimpin-pemimpin UMNO yang lain turut bersama-sama Tunku, dan Perikatan ini pun diterima sebagai parti politik bersatu. Sekiranya inisiatif ini ditolak, Onn dan Parti Kemerdekaan Malayanya mungkin akan berjaya. Di sini sekali lagi Tunku menunjukkan ketokohnya.

Kejayaan Perikatan dalam Pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur telah diikuti dengan kejayaan yang sama di Pilihanraya Majlis Perbandaran yang lain. Saya sendiri adalah calonnya di Alor Setar. Di Johor Bahru, Perikatan menawan semua kerusi dalam satu perlawanan sengit dengan 'Parti Negara' di bawah pimpinan Dato Onn.

Berikutan dengan itu, Tunku lantas membuat keputusan mengambil inisiatif berunding dengan Kerajaan mengenai kemerdekaan. Pesuruh Jaya Tinggi British yang baru, Jeneral Templer, bersimpati dengan usaha Tunku ini, dan kemudiannya Tunku berjaya menjalin hubungan baik dengan Templer. Perkara ini tidak mungkin dapat dilakukan oleh orang lain dalam tempoh yang begitu singkat. Di sini sekali lagi Tunku memperlihatkan ketokohnya. Selepas ini, perkembangan selanjutnya berjalan dengan begitu lancar sekali, disusuli dengan beberapa rundingan yang diadakan di London.

Hubungan baik antara Tunku dengan Jeneral Templer

membuka jalan baginya mengadakan hubungan dengan Lennox-Boyd, Setia Usaha Negara Tanah Jajahan yang baru dari Parti Konservatif di UK.

Dan tidaklah perlu disangsikan lagi bahawa tidak ada pemimpin Malaya lain yang boleh mendapat persetujuan Kerajaan British untuk mencapai kemerdekaan dalam jangka waktu yang begitu pendek. Halangan-halangan politik yang boleh membantutkan usaha mencapai kemerdekaan ini dapat diatasi satu persatu.

Sementara itu pilihanraya Persekutuan yang pertama telah diadakan pada tahun 1955 dengan Tunku sebagai pemimpin Perikatan dan Dato Onn sebagai ketua parti pembangkang. Manifesto Perikatan adalah berterus-terang lagi ringkas — MERDEKA.

Karisma Tunku dan usahanya yang tidak mengenal penat lelah, yang sanggup menjelajah ke seluruh negara, sekali lagi membuktikan bahawa beliau adalah tokoh sepanjang zaman. Dan partinya memenangi semua kerusi kecuali satu. Saya boleh memperkatakan hal ini dengan tegas kerana saya adalah salah seorang calon Perikatan di Kedah.

Tunku menerima kemenangannya dalam pilihanraya Persekutuan yang pertama itu dengan penuh kesyukuran dan rendah hati, walaupun kemenangan itu adalah kemenangan 99 peratus. Beliau masih tetap kekal sebagai seorang individu yang baik hati, pemurah, dan ketokohan mulai menyerlah dari wataknya yang tidak terkenal dalam jangka waktu yang singkat — iaitu dalam masa empat tahun. Berikutan dari itu, beliau telah memilih Menteri-menteri Kabinetnya dengan perasaan yang penuh tanggung

jawab dan dengan kebijaksanaan seorang ahli politik yang matang.

Pengalaman ini merupakan satu ujian penting baginya. Namun Tunku, sebagai tokoh yang penuh wibawa telah membuat pilihan dengan cara yang bijaksana, dan memilih mereka yang dapat membantunya memimpin sebuah negara untuk mendapat pengiktirafan dunia. Di sini sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa saya merasa amat berbangga kerana telah turut dipilih sebagai seorang Menteri Kabinet.

Sementara Tunku memimpin Kerajaannya ke arah kemajuan, beliau telah membina sebuah Ibu Kota Persekutuan yang baru di pinggir sebuah kawasan bijih timah. Ibu Kota itu baru berumur 70 tahun dan namanya ialah Kuala Lumpur.

Tunku memanglah tidak pernah mengakui bahawa beliau adalah seorang tokoh kebudayaan. Namun begitu beliaulah yang bertanggung jawab memilih lagu kebangsaan negara (NEGARAKU) dari karya beberapa penggubah lagu tanah air. Beliaulah yang membina sebuah stadium yang tersergam megah (Stadium Merdeka sekarang). Selepas upacara kemerdekaan yang telah dilangsungkan secara besar-besaran, Tunku telah mengalakan fokusnya untuk kegiatan sukan tanah air, pada mulanya untuk bola sepak dan kemudiannya untuk acara-acara sukan yang lain.

Beliau telah membina sebuah bangunan Parlimen yang tersergam. Sebuah Masjid Negara yang berbentuk moden, Muzium Negara yang baru yang dibina di tapak muzium negeri sebelum perang. Namun begitu beliau menolak

rancangan Jabatan Kerja Raya yang cuba memperkenalkan reka bentuk rumah tradisional Melayu. Dan kemudian, setelah menyaksikan upacara memperingati pejuang-pejuang perang, beliau telah berusaha mengutip derma untuk membina sebuah Tugu Negara yang pada hari ini dapat dilihat dengan megah sekali. Malah tapak Universiti Malaya (yang pada waktu itu dipenuhi hutan) juga dipilih oleh beliau. Satu lagi mercu tanda yang dipilih oleh beliau, yang masih kekal sehingga hari ini ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Semua usaha ini adalah hasil kebijaksanaan seorang tokoh — tokoh sepanjang zaman — iaitu Tunku.

Banyak sudah saya perkatakan tentang Tunku. Kini biarlah pula saya melencong sedikit untuk mengungkit sepintas lalu peristiwa 13 Mei, yang berlaku pada tahun 1969, yang mengakibatkan rusuhan antara masyarakat Melayu dan Cina di Kuala Lumpur. Saya berbuat begitu untuk memperbetulkan salah faham, demi generasi yang akan datang.

Nampaknya hingga ke hari ini, masih ada di antara kita yang menyalahkan Tunku kerana kejadian ini. Peristiwa malang ini sebenarnya bermula dengan perarakan pada 9 Mei 1969, iaitu sehari sebelum pilihanraya Persekutuan diadakan, yang dijadualkan pada hari Sabtu 10 Mei. Mereka yang menyokong puak komunis, anggota-anggota kongsi gelap dan perusuh, memulakan kekacauan dengan menyuruh orang ramai memulaukan pilihanraya pada 10 Mei itu. Saya dan Tunku pada masa itu berada di Kedah. Dan saya berani mengatakan di sini bahawa sekiranya beliau sebagai Perdana Menteri terlebih dahulu diberitahu,

sudah tentu beliau akan menolak permintaan untuk mengadakan perarakan itu, dan akibatnya tentulah berlainan sekali. Saya berani menegaskan perkara ini tanpa ragu-ragu.

Untuk menyalahkan Tunku adalah seperti sengaja mengenyepikan fakta-fakta yang ada, dan saya menganggapnya sebagai sikap tidak mengenang budi yang amat mendukacitakan. Sedangkan Tunku adalah seorang pemimpin yang begitu jujur menghabiskan perjuangan hidupnya berkhidmat untuk negara sejak tahun 1945 lagi.

Saya meminta maaf kerana mungkin kedengaran terlalu banyak menyanjung Tunku, tapi saya rasa saya patut membetulkan salah faham ini.

Sungguhpun Tunku terkenal dengan gelaran 'Bapa Negara', berdasarkan perjuangan dan kejayaannya, Tunku juga harus dikenang sebagai 'Bapa Perpaduan Negara'. Seluruh perjuangan hidupnya, malah semasa menyambut ulang tahunnya yang ke-87, (ulang tahunnya yang terakhir) pada 8 Februari 1990, beliau membawa perutusan yang sama untuk semua.

Malah semasa kita menggubal Perlembagaan negara ini sebelum merdeka, beliau dengan penuh minatnya memperjuangkan sebuah negara demokrasi berparlimen. Kerana itulah pada hari ini, seseorang yang berketurunan Melayu, Cina, India, Dayak atau Kadazan sekalipun boleh menjadi Perdana Menteri negara ini, asalkan dia mendapati sokongan majoriti dari Parlimen.

Kebenciannya terhadap dasar apartheid seperti yang diamalkan di Afrika Selatan telah mengakibatkan negara itu dipecat dari pertubuhan negara-negara Komanwel

pada awal tahun-tahun 1960-an. Sebagai seorang yang yakin terhadap kebolehan dan bakat orang lain beliau ingin melihat setiap rakyat Malaysia, tidak kira daripada apa keturunan sekalipun, hidup bersaudara.

Kita merasa bangga bahawa Kerajaan kita yang dipimpin oleh YAB. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan Peringatan Tunku Abdul Rahman Putra sebagai pusat kajian untuk mengadakan kajian mengenai Tunku dan sebagai satu peringatan untuk mengenang jasa dan pengorbanan beliau terhadap negara. Negara ini tidak boleh melupakan beliau.

Saya rasa sebagai sebuah Akademi yang berpengaruh, saudara semua harus bertindak sebagai badan yang memperjuangkan kebenaran. Saudara boleh menjadi lebih efektif sebagai suara orang ramai jika saudara boleh berhujah berdasarkan fakta dan analisis yang baik.

Menyentuh perkara ini saya begitu tertarik dengan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli akademik di Bangkok yang telah bersuara lantang semasa berlakunya rusuhan di Bangkok baru-baru ini.

Sebagai penutup izinkan saya berdoa mudah-mudahan akademi ini akan terus berjaya di masa yang akan datang.

Kuala Lumpur
21 Ogos, 1992

Biografi ringkas Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dilahirkan di Istana Pelamin Alor Setar, Kedah, pada 8 Februari 1903. Beliau adalah putera ketujuh Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah, iaitu Sultan Kedah yang ke-24. Bonda beliau ialah Che' Manjalara anak perempuan Luang Mira, ketua kaum Shan di Negeri Siam. Pada tahun 1939, Tunku telah berkahwin dengan Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah.

Tunku mulai belajar ketika berusia 4 tahun. Walau bagaimanapun persekolahan secara formal bermula ketika beliau berumur 6 tahun. Beliau bersekolah Inggeris di Alor Setar pada sebelah pagi dan belajar membaca al-Quran pada sebelah petang. Ketika berusia 8 tahun beliau telah dihantar ke Bangkok dan belajar di Sekolah Thebsurian. Pada tahun 1915 beliau telah kembali ke Kedah dan meneruskan pelajarannya di Sekolah Penang Free di Pulau Pinang.

Pada tahun 1919, Tunku telah dikurniakan biasiswa Negeri Kedah untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Beliau berangkat ke England pada tahun 1920 untuk memasuki St. Catherine College, Universiti Cambridge di mana beliau memperoleh Ijazah B.A. pada tahun 1925. Beliau adalah putera diraja Kedah yang pertama menerima ijazah dari Universiti Britain. Semasa menuntut di Universiti tersebut, Tunku telah berjaya mengusahakan Penubuhan Persatuan Melayu Great Britain pada tahun 1926. Beliau telah dilantik menjadi Setiausaha pertama Persatuan tersebut.

Pada tahun 1938, Tunku telah dihantar semula ke England untuk menuntut dalam bidang undang-undang di

Inner Temple. Beliau terpaksa balik sebelum tamat pelajaran kerana Perang Dunia Kedua. Di Tanah Melayu beliau memulakan khidmatnya sebagai seorang Kadet di Pejabat Penasihat Undang-undang di Alor Setar. Selepas itu beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Sungai Petani dan Kulim serta menjadi Pegawai Daerah di beberapa buah daerah di negeri Kedah termasuk Langkawi.

Pada tahun 1946 beliau sekali lagi ke England untuk menyambung pelajarannya dalam jurusan undang-undang. Beliau kembali ke tanah air setelah tamat pengajian pada tahun 1949. Pada masa beliau berusia 46 tahun, beliau telah dilantik menjadi Ketua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organisation - UMNO) Bahagian Kedah.

Tidak lama kemudian beliau ditukarkan ke Kuala Lumpur untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Undang-undang Persekutuan. Tunku telah meletakkan jawatan daripada Perkhidmatan Kerajaan untuk menjadi Presiden UMNO bagi menggantikan Dato' Onn Jaafar pada 26 Ogos 1951.

Semasa memegang jawatan Presiden UMNO, beliau berusaha menyelesaikan masalah politik di Tanah Melayu dengan mendapatkan kerjasama daripada semua kaum. Hasil daripada usaha ini, satu perikatan antara UMNO, Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC) telah diwujudkan dan gabungan ini dikenali sebagai Perikatan.

Pilihanraya Persekutuan yang pertama telah diadakan pada bulan Julai 1955. Dalam pilihanraya itu, Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Tunku kemudian dilantik menjadi Ketua

Menteri dan Menteri Ehwat Dalam Negeri.

Satu daripada perkara penting dalam manifesto pilihanraya Perikatan ialah untuk menamatkan 'Darurat' melalui perjanjian dan rundingan dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya - Chin Peng dan memberi pengampunan kepada penganas-penganas komunis.

Pengampunan itu telah diisytiharkan pada 9 September 1955 dan Rundingan Baling pula diadakan pada 27-28 Disember 1955. Tunku meminta komunis menyerah senjata sebagai syarat pengampunan tetapi ini tidak dipersetujui oleh Chin Peng dan rundingan berakhir dengan kegagalan secara mengejut.

Pada tahun 1956, Tunku bertolak ke London untuk berbincang dengan Kerajaan British bagi mendapatkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu.

Rundingan ini berjaya mendapat persetujuan British dan tarikh 31 Ogos 1957 telah ditetapkan sebagai tarikh kemerdekaan. Apabila Tanah Melayu telah merdeka, Tunku telah dilantik sebagai Perdana Menteri yang pertama. Setelah merdeka, Tunku berusaha menegakkan sebuah kerajaan demokrasi yang tulen dan memelihara perhubungan baik dengan negara-negara luar. Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi anggota Komanwel dan telah menanda-tangani satu Perjanjian Pertahanan dengan United Kingdom.

Dalam tempoh beberapa bulan selepas merdeka, Tunku banyak membuat kunjungan muhibah keluar negeri termasuk Vietnam, Ceylon (Sri Lanka), Jepun dan Brunei. Pada bulan Januari 1959, semasa menjadi tetamu negara Filipina, Tunku telah mengusulkan pembentukan satu persekutuan negara-negara Asia Tenggara bagi merapatkan

kerjasama ekonomi dan kebudayaan serantau. Usul tersebut dipersetujui sepenuhnya oleh Presiden Garcia dan ini membawa kepada pembentukan Persekutuan Negara Asia Tenggara (Association of South East Asia – ASA) pada tahun 1961.

Sebelum itu, semasa persidangan Suruhanjaya Ekonomi Asia dan Timur Jauh (ECAFE) yang pertama, yang diadakan di Kuala Lumpur pada 5 Mac 1958, Tunku telah menyeru negara-negara Asia supaya mengurangkan perbelanjaan senjata masing-masing dan berusaha membantu meninggikan taraf hidup rakyat negara masing-masing.

Pada bulan Mei 1961, dalam satu majlis makan tengahari dengan wartawan asing di Singapura, Tunku dengan mengejut telah mengumumkan bahawa Tanah Melayu akan mengadakan satu persefahaman dengan British, Singapura, Sabah, dan Sarawak untuk menubuh sebuah negara Malaysia. Inilah asalnya Rancangan Malaysia yang telah menjadi kenyataan pada hari ini. Hasrat Tunku untuk menubuhkan Malaysia telah ditentang oleh negara Filipina dan Indonesia. Namun begitu dengan kesungguhan dan kegigihan serta ketabahan beliau, penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak berjaya diisytiharkan pada 16 September 1963. Malangnya Tunku terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia pada bulan Ogos 1965.

Biografi ringkas Tan Sri Khir Johari

Tan Sri Khir Johari dilahirkan pada 29 Januari 1923 di Alor Setar, Kedah. Beliau terlibat dalam pergerakan politik Malaysia dari awal lagi dan kemudian menjadi salah seorang pengasas kemerdekaan Malaysia.

Beliau bertanding untuk Parlimen dalam Pilihanraya Umum pertama pada tahun 1955 dan menjadi ahli Parlimen hingga tahun 1982. Pada hari kemerdekaan (31 Ogos 1957) beliau telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Pada tahun 1960, beliau bertukar portfolio dan menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Pada tahun 1960, beliau telah dilantik menjadi Menteri Pertanian, dan tiga tahun kemudian kembali ke Kementerian Pelajaran. Beliau genap bertugas selama 9 tahun lebih di Kementerian tersebut.

Pada tahun 1968 beliau sekali lagi kembali ke Kementerian Perdagangan dan Industri. Ini bermakna beliau berkhidmat selama lapan tahun dalam Kementerian tersebut.

Pada bulan Februari 1973, beliau telah dilantik sebagai Duta Malaysia ke Amerika Syarikat dan kemudian Duta ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Beliau juga terlibat dalam banyak aktiviti perdagangan. Buat masa ini beliau memegang jawatan Pengerusi dan Pengarah kepada beberapa syarikat dan pertubuhan ekonomi dan kewangan. Beliau juga adalah Presiden Institut Pengarah Malaysia (MID).

Dalam aktiviti-aktiviti sosial pula beliau adalah Presiden Persatuan Kehidupan Liar Malaysia (World Wide Fund for Nature of Malaysia/WWF) dan Presiden Pertubuhan Zoologi

Malaysia (Malaysian Zoological Society). Beliau juga Presiden Royal Commonwealth Society Malaysia.

Beliau juga aktif dalam sukan dan kini menjawat jawatan Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia. Sebelum ini beliau adalah Presiden Persatuan Badminton Malaysia selama 25 tahun. Sekarang ini beliau menjadi Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia.

Beliau juga telah dikurniakan beberapa anugerah kehormat. Pada bulan Jun 1986, beliau dikurniakan Darjah Panglima Mangku Negara (P.M.N.) yang merupakan salah satu anugerah tertinggi negara yang membawa gelaran Tan Sri. Selain itu beliau juga menerima beberapa anugerah luar negeri seperti dari Thailand, Korea dan Jepun.

Pada tanggal 15 Ogos 1987, beliau dianugerahkan Doktor Kehormat Persuratan oleh Universiti Pertanian Malaysia. Terdahulu dari itu beliau memperoleh anugerah Doktor Kehormat Undang-undang dari Universiti Malaya dan Doktor Kehormat Pelajaran dan Sains dari La Salle College, Manila.

Pada bulan Mac 1992 beliau dianugerahkan gelaran DPMS oleh Sultan Selangor yang membawa gelaran Dato.

TUNKU – MAN OF THE HOUR

Tan Sri Khir Johari

© Malaysian Institute of Directors 1993
Published by the Malaysian Institute of Directors
Cover design by Danny Chan
Printed by Setiakawan Printers Sdn. Bhd.

Foreword

Leaders who make life better for their fellowmen live forever. Such a man is Tunku Abdul Rahman Putra, the leader who won independence for Malaya (later renamed Malaysia, under a bigger grouping) and who led the young nation as the First Prime Minister, for the first decade.

Some of the thoughts and actions of this great national leader are now documented by his confidante, Tan Sri Khir Johari. To Tan Sri Khir, the 'Tunku' as the latter is affectionately known to all Malaysians, was mentor, colleague and friend.

The untold events of the Tunku's efforts in championing the cause of his countrymen, when Malaya was under the British Regime, were related by Tan Sri Khir Johari at the First Tunku Abdul Rahman Address of the Malaysian Academy of Medicine on 21 August, 1992.

